

Semak semula sukatan

U.M m/s 4 14.2.07

BANGI 13 Feb. — Kajian mendapati profil kepintaran emosi (EQ) bakal guru di negara ini tidak begitu menonjol, sekali gus menuntut sukatan perguruan disemak semula supaya tumpuan dapat diberikan terhadap subjek yang boleh mempertingkatkan aspek itu.

Zurinah Ahmad dari Institut Perguruan Perempuan Melaka dan Noriah Mohd Ishak dari Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam kertas kerja mereka berkata, langkah melahirkan guru yang hanya dilengkapi ilmu berasaskan akal atau akademik tanpa disokong ilmu pengurusan emosi dan spiritual, tidak mampu merealisasikan matlamat Falsafah Pendidikan Guru dan Falsafah Pendidikan Negara.

“Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) harus mengkaji peranan dan jangkaan terha-

dap pendidik, sama ada ia setimpal dengan kepintaran intelektual dan emosi yang ada pada mereka,” kata mereka.

Kertas kerja yang bertajuk *Kepintaran Emosi Dalam Kalangan Guru Dalam Perkhidmatan dan Bakal Guru Dalam Perkhidmatan: Satu kajian Perbandingan*, dibentangkan pada Seminar Kebangsaan Isu-isu Pendidikan Negara Ketiga: Dasar dan Pelaksanaan, di sini hari ini.

Zurinah dan Noriah berkata, selain itu terdapat bukti menunjukkan guru-guru mempunyai tingkah laku negatif terhadap murid yang berpunca daripada gangguan emosi dan ketidakstabilan emosi.

Ia dapat dilihat daripada beberapa kes yang dilaporkan media seperti perbuatan guru lelaki yang menendang dan menghempas murid

tingkatan empat sehingga mengalami kecederaan serius dan terbaru kes seorang guru lelaki diburu polis kerana dipercayai merogol pelajar tahun enam.

Menurut kajian itu, tekanan bebanan yang keterlaluan serta tidak setimpal dengan ketahanan seseorang guru, hanya memburukkan keadaan dan memberi imej yang buruk terhadap profesion perguruan.

Kajian itu mendapati, KPM sebagai pihak yang bertanggungjawab menentukan akal pendidik bangsa, harus peka dengan merancang secara teliti cara pemilihan guru dengan lebih berkesan. Pemilihan berdasarkan intelek sudah lapuk dan ketinggalan zaman,”

“Sudah tiba masanya KPM, khususnya Bahagian Pendidikan Guru memastikan guru disaring dengan ujian yang menguji tahap

n perguruan

kepintaran emosi dengan lebih luas," kata mereka.

Analisis statistik kajian itu menunjukkan bakal guru mendapat skor purata yang tinggi dalam aspek kerohanian iaitu 95.4, diikuti kematangan (92.56) manakala skor purata terendah bagi aspek kesedaran sendiri (72.68) dan kemahiran sosial (75.23).

Profil kepintaran emosi guru dalam perkhidmatan menunjukkan mereka mempunyai skor purata yang tinggi yang hampir sama bagi aspek kerohanian iaitu 93.74 dan kematangan (93.24).

Bagaimanapun, mereka mencatatkan purata terendah dalam kemahiran sosial iaitu 73.88, kesedaran sendiri (74.81) dan empati (79.91).

"Skor purata tinggi dalam kerohanian dan kematangan menunjukkan guru dalam per-

khidmatan mempunyai tahap kerohanian dan kematangan yang tinggi, mungkin disebabkan faktor umur dan pengalaman.

"Skor purata yang rendah dalam kemahiran sosial memberi gambaran guru dalam perkhidmatan kurang mementingkan kemahiran sosial dalam kestabilan emosi," menurut kajian itu.

Sehubungan itu, tahap kepintaran emosi guru perlu dipertingkatkan memandangkan cabaran yang bakal diterima daripada generasi yang semakin terdedah terhadap pelbagai ana-sir melalui era globalisasi.

Kajian itu melibatkan dua kumpulan yang terdiri daripada 116 guru sekolah menengah dan 100 pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan, Fakulti Pendidikan, UKM.